



# **GARIS PANDUAN**

## **ELAUN GANTIAN KENDERAAN RASMI JAWATAN**

### **DI UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN**

---

Pindaan 2023

## **1.0 TUJUAN**

Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan semua perkara yang berkaitan dengan urusan Elaun Gantian Kenderaan Rasmi Jawatan (EGK) di UniSZA.

## **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 EGK merupakan elaun dalaman yang diwujudkan oleh UniSZA dan kebanyakan Universiti Awam (UA) yang bertujuan untuk menyediakan kemudahan Kereta Rasmi Jawatan kepada pegawai yang layak lanjutan kekurangan kenderaan rasmi universiti kepada pegawai-pegawai yang berkelayakan;
- 2.2 Lembaga Pengarah Universiti Bil.4/2015 telah bersetuju meluluskan pemberikan EGK kepada pegawai yang layak, diikuti dengan kelulusan pindaan pada tahun 2016 (LPU Bil.2/2016), tahun 2019 (LPU Bil.3/2019) dan tahun 2022 (LPU Bil.5/2022).
- 2.3 Elaun ini bersifat tidak kekal (non-permanent). Ia boleh ditarik balik, diberhentikan bayarannya atau dimansuhkan sekiranya elaun ini tidak lagi relevan atau tidak lagi menepati kriteria pemberian elaun dan boleh diberi mengikut suatu tempoh tertentu.

## **3.0 TAFSIRAN**

- 3.1 Tafsiran yang diguna pakai di dalam garis panduan ini adalah sebagaimana berikut:
  - 3.1.1 "Pegawai yang Layak" ialah pegawai di UniSZA Gred Utama/ Khas C yang memegang jawatan Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, Pendaftar, Dekan, Ketua Pusat Tanggungjawab/ Pengarah Hospital serta Gred Utama/ Khas C, Khas untuk Penyandang Dalaman (KUPD) bagi jawatan Bendahari;
  - 3.1.2 "Kad Inden" ialah kad elektronik yang digunakan untuk membuat transaksi bekalan bahan api kenderaan;
  - 3.1.3 "Kenderaan Universiti" ialah kenderaan universiti yang diperuntukkan untuk kegunaan gunasama Jabatan atau

kenderaan kegunaan khas seperti ambulans, kereta peronda keselamatan dan seumpamanya;

- 3.1.4 “Kenderaan Khas” ialah kereta yang diperuntukkan khas mengikut kelayakan jawatan kepada pegawai yang layak;
- 3.1.5 “Kereta Saloon” ialah kereta penumpang termasuk *station wagon*;
- 3.1.6 “Kereta SUV” ialah kereta ‘*Sport Utility Vehicle*’/ utiliti sukan;
- 3.1.7 “Pemandu” ialah pemandu yang dilantik sama ada secara tetap, kontrak, sementara, sambilan atau pegawai yang diberi kebenaran secara bertulis oleh Ketua Pusat Tanggungjawab (KPTj) untuk memandu Kenderaan Jabatan
- 3.1.8 “Tugas Rasmi” ialah tugas yang berkaitan dengan fungsi Pusat Tanggungjawab (PTj) dan tugas lain yang berkaitan dengan pejabat yang diarahkan oleh Penyelia dari semasa ke semasa;

## 4.0 TERMA DAN SYARAT

### 4.1 Kelayakan dan Kadar

- i. Pegawai yang layak dan kadar yang ditetapkan adalah sebagaimana Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Pegawai yang layak dan kadar

Jawatan	Kadar
Naib Canselor	RM3,000.00
Timbalan Naib Canselor (Gred C/B/A)	RM2,800.00
Pendaftar	RM2,800.00
*Bendahari	RM2,800.00
Dekan (Gred C/B/A)	RM2,000.00
Ketua Pusat Tanggungjawab (KPTj) (Gred C/B/A)	RM2,000.00

\*Gred Utama/ Khas C secara Khas untuk Penyandang Dalaman (KUPD) berdasarkan kelulusan LPU Bil.4/2017 bertarikh 29 Ogos 2017 (elaun dan lain-lain kemudahan yang setara dengan Gred Khas C)

#### **4.2 Spesifikasi Kenderaan**

- i. Model kereta salon dan SUV;
- ii. Pegawai hendaklah membeli kereta berkuasa enjin tidak kurang dari 1.8 liter;
- iii. Bagi pegawai yang membeli kenderaan terpakai atau menggunakan kenderaan sedia ada, usia kenderaan hendaklah kurang daripada tujuh (7) tahun dengan kuasa enjin tidak kurang dari 1.8 liter demi menjaga imej universiti.

#### **4.3 Keadaan Kenderaan dan Penyelenggaraan**

- i. Berkeadaan baik, selamat dan tidak menjaskankan imej pegawai serta universiti;
- ii. Kenderaan hendaklah dilindungi dengan insurans bermotor komprehensif.
- iii. Segala kos penyelenggaraan (servis atau kemalangan) dan insurans kenderaan ditanggung oleh pegawai.

#### **4.4 Khidmat Kenderaan dan Pemandu**

- i. Ahli pengurusan tertinggi universiti yang menerima EGK dan terlibat dengan program-program utama universiti dan program-program yang melibatkan kementerian, boleh menggunakan kenderaan universiti dan pemandu guna sama, tertakluk kepada prosedur yang berkuatkuasa bagi menjaga dan menonjolkan imej universiti; dan
- ii. Bagi pegawai yang layak menerima pemandu khas, pemandu tersebut dibenarkan untuk memandu kenderaan milik pegawai dengan kelayakan dan perlindungan gunasama yang sama seperti memandu kenderaan universiti.

#### **4.5 Tuntutan Perjalanan Tugas Rasmi**

- i. Pegawai yang mendapat EGK ini tidak layak dibekalkan kad inden tetapi layak membuat tuntutan perjalanan apabila menjalankan tugas rasmi seperti berikut:
  - a. Perjalanan melebihi 25 KM dan ke atas.
  - b. Kadar perjalanan tugas rasmi ialah  $\frac{1}{2}$  daripada kadar sekilometer yang sedang berkuatkuasa dan digenapkan.

**Contoh:** RM0.85 (kadar sekilometer) = RM0.425 (RM0.43 digenapkan)

2

- c. Kadar ini juga terguna pakai kepada pegawai yang menerima kenderaan rasmi jawatan, tetapi menggunakan kenderaan sendiri semasa melakukan tugas rasmi.

#### **4.6 Tanggungjawab Pegawai**

- i. Pegawai yang menerima EGK perlu mengemukakan dokumen sijil pendaftaran dan polisi insurans kenderaan berkaitan bagi membuktikan kenderaan adalah milik pegawai.
- ii. Pihak universiti berhak meminta pegawai yang menerima EGK ini mengemukakan bukti pemilikan kenderaan apabila difikirkan perlu pada bila-bila masa.

#### **4.7 Umum**

- i. Semua pegawai yang layak mendapat EGK diberi pilihan samada menerima EGK atau kenderaan khas yang disediakan oleh pihak universiti. Kemudahan ini ditawarkan sekali sahaja bagi setiap pelantikan.
- ii. Syarat-syarat pemberian elaun boleh dipinda dari semasa ke semasa oleh universiti;

- iii. EGK dikategorikan sebagai elauan tidak berpencen;
- iv. EGK layak dibayar selepas pegawai memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan, tertakluk kepada tatacara yang berkuat kuasa; dan
- v. Pertimbangan pengecualian khas adalah di bawah bidang kuasa Pendaftar dengan mengemukakan bukti yang berkaitan.

## **5.0 TARIKH KUAT KUASA**

Peraturan ini adalah berkuat kuasa pada 9 Mac 2023.

## **6.0 PEMBATALAN**

Dengan berkuat kuasanya Garis Panduan ini, semua peraturan yang terkandung dalam syarat terdahulu adalah dibatalkan.